



# **JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA**

**PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN  
PENOLONG JURUUKUR BAHAN  
2014  
*UKUR BAHAN***

**KOD : PJU02**

**SUBJEK : AMALAN DAN PROSEDUR  
TENDER/KONTRAK**

**TARIKH : 27 OKTOBER 2014**

**MASA : 2.00 PTG – 5.00 PTG**

**DILARANG MEMBUKA KERTAS SOALAN  
SEHINGGA DIARAHKAN**

**PERKARA : PJU02 – AMALAN DAN PROSEDUR TENDER/KONTRAK**

**ARAHAN KEPADA CALON**

*Kertas ini mengandungi sepuluh (10) soalan.  
Jawab mana-mana lima (5) soalan sahaja.*

**Calon tidak dibenarkan merujuk kepada sebarang bahan rujukan.**

**SOALAN 1**

Analisis Kos Elemen (*ECA*) disediakan untuk membuat perancangan kos, penyediaan anggaran awalan, pengagihan kos antara elemen dan sebagainya.

- a) Berikan definisi Analisis Kos Elemen (*ECA*).

*(2 markah)*

- b) Nyatakan **empat (4)** tujuan Analisis Kos Elemen (*ECA*) disediakan.

*(8 markah)*

- c) Berikan **tiga (3)** kaedah pengawalan kos yang digunakan dalam pentadbiran dan pengurusan sesebuah projek.

*(6 markah)*

- d) Nyatakan **empat (4)** sumber yang digunakan semasa penyediaan anggaran awalan.

*(4 markah)*

SOALAN 2

- a) Tender pada amnya dilaksanakan sama ada secara lukisan dan spesifikasi atau berdasarkan Senarai Kuantiti. Nyatakan **empat (4)** kebaikan kontrak yang dilaksanakan berdasarkan Senarai Kuantiti.

(8 markah)

- b) Dokumen tender disediakan bagi membolehkan petender menyertai dan menawarkan tender masing-masing. Nyatakan ciri-ciri dokumen tender yang sempurna.

(10 markah)

- c) Nyatakan liputan minimum insurans tanggungan awam yang perlu dinyatakan di dalam dokumen tender mengikut harga kontrak di bawah:

Bil.	Harga kontrak	Liputan minimum bagi setiap kemalangan
i.	RM200,001 hingga RM500,000	
ii.	RM500,001 hingga RM5.0 Juta	
iii.	Melebihi RM5.0 Juta hingga RM20.0 Juta	
iv.	Melebihi RM20.0 Juta hingga RM50.0 Juta	

(2 markah)

SOALAN 3

- a) Penjualan dokumen tender kepada kontraktor adalah berdasarkan kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan. Nyatakan **empat (4)** syarat bagi membolehkan kontraktor membeli dokumen tender.

(8 markah)

**SOALAN 3 (sambungan)**

- b) Berdasarkan SPP Bil. 5/2007:
- i) Nyatakan kelayakan kontraktor untuk menyertai Tender Kerja dan Tender Bekalan/Perkhidmatan.
- (3 markah)
- ii) Nyatakan syarat syarikat yang layak untuk menyertai kategori tender berikut:

Bil.	Nilai Tender Kerja	Syarat-syarat
1.	Tidak melebihi RM30 juta	
2.	Di antara RM30 juta hingga RM50 juta	
3.	Melebihi RM50 juta	

(9 markah)

**SOALAN 4**

- a) Penilaian tender merupakan satu peringkat yang dikategorikan sebagai **SULIT**. Nyatakan **lima (5)** perkara yang perlu diberi perhatian semasa membuat penilaian tender.
- (10 markah)
- b) Nyatakan had nilai Kuasa Lembaga Perolehan bagi perkara-perkara berikut:

Bil.	Lembaga Perolehan Kementerian / Jabatan	Had Nilai (RM)
i.	Tender Kerja	
ii.	Tender Bekalan/Perkhidmatan	
iii.	Tender Terhad (Kerja/Bekalan/ Perkhidmatan)	

Bil.	Lembaga Perolehan Persekutuan Peringkat Negeri	Had Nilai (RM)
i.	Tender Kerja	
ii.	Tender Terhad (Kerja)	

(5 markah)

**SOALAN 4 (sambungan)**

- c) Di peringkat Kementerian terdapat dua (2) Lembaga Perolehan, iaitu Lembaga Perolehan A dan Lembaga Perolehan B. Nyatakan keahlian kedua-dua Lembaga Perolehan tersebut.

*(5 markah)*

**SOALAN 5**

- a) Bayaran pendahuluan adalah kemudahan yang diberikan kepada kontraktor. Nyatakan nilai bayaran pendahuluan untuk kontrak kerja yang layak diberikan kepada:

- i) Kontraktor Utama
- ii) SubKontraktor Dinamakan
- iii) Pembekal Dinamakan

*(6 markah)*

- b) Berdasarkan SPP Bil. 5/2007, nyatakan syarat dan dokumen-dokumen sokongan yang perlu dikemukakan oleh kontraktor bagi membolehkan Bayaran Pendahuluan diproses bagi kontrak kerja.

*(8 markah)*

- c) Berdasarkan Syarat-Syarat Kontrak 203/203A (Rev. 2010):

- i) Nyatakan bilakah pemotongan bayaran balik Bayaran Pendahuluan patut dibuat dan diselesaikan.
- ii) Nyatakan tempoh bayaran interim yang patut dibuat kepada kontraktor.

*(6 markah)*

SOALAN 6

- a) Berdasarkan klausa 43 Syarat-Syarat Kontrak 203/203A (Pind. 1/2010), nyatakan **lima (5)** sebab yang melayakkan kontraktor mendapat Lanjutan Masa.

*(5 markah)*

- b) Permohonan lanjutan masa daripada kontraktor mestilah disokong dengan dokumen yang berkaitan. Nyatakan **lima (5)** dokumen yang dimaksudkan.

*(5 markah)*

- c) Nyatakan **lima (5)** perkara yang diambil kira dalam penilaian tempoh kelambatan dan lanjutan masa.

*(5 markah)*

- d) Jelaskan tatacara kelulusan lanjutan masa.

*(5 markah)*

SOALAN 7

- a) Syarat-syarat kontrak telah memperuntukkan kepada Kerajaan hak untuk menamatkan pengambilan kerja kontraktor sekiranya kontraktor telah melakukan kemungkiran dalam memenuhi obligasinya.

- i) Nyatakan **empat (4)** jenis penamatan.

*(4 markah)*

- ii) Nyatakan **lima (5)** kemungkiran menunaikan tanggungjawab dan **lima (5)** kemungkiran am kontraktor yang membolehkan pengambilan kerja kontraktor ditamatkan.

*(10 markah)*

- b) Nyatakan tindakan Kerajaan setelah pengambilan kerja kontraktor ditamatkan.

*(6 markah)*

SOALAN 8

- a) Berdasarkan SPP Bil. 5/2009, adakah bon pelaksanaan dikenakan untuk perolehan secara Sebutharga?

(2 markah)

- b) Nyatakan nilai bayaran pendahuluan yang boleh diberikan dalam perolehan Sebutharga.

(6 markah)

- c) Nyatakan syarat-syarat untuk membolehkan kontraktor mendapat bayaran pendahuluan bagi perolehan secara sebutharga.

(12 markah)

SOALAN 9

- a) Perolehan Kerajaan boleh dibuat dengan beberapa kaedah. Di antaranya adalah secara tender terhad. Nyatakan **tiga (3)** kriteria yang membenarkan sesuatu tender dipanggil secara tender terhad.

(6 markah)

- b) Berdasarkan SPP Bil. 5/2012, lukiskan Carta Aliran Proses Pemilihan Kontraktor bagi tender yang dilaksanakan secara tender terhad.

(8 markah)

- c) Nyatakan **tiga (3)** kebaikan dan **tiga (3)** keburukan tender yang dipanggil secara tender terhad.

(6 markah)

SOALAN 10

Berdasarkan Syarat-Syarat Kontrak 203/203A, nyatakan pegawai yang berkuasa menandatangani perakuan/dokumen berikut:

<b>Bil.</b>	<b>Perakuan/Dokumen</b>	<b>Pegawai Yang Berkuasa</b>
a.	Arahan Perubahan Kerja (APK)	
b.	Pelarasan Harga Kontrak (PHK)	
c.	Perakuan Kelambatan Dan Lanjutan Masa	
d.	Perakuan Siap Kerja	
e.	Perakuan Pendudukan Separa	
f.	Perakuan Kerja Tidak Siap	
g.	Perakuan Siap Membaiki Kecacatan	
h.	Perakuan Bayaran Interim	
i.	Perakuan Akuan Dan Bayaran Muktamad	
j.	Perakuan Muktamad Kontrak Yang Ditamatkan Pengambilan Kontraktor	

(20 markah)

\*\*\*\*\*